

Malaysia kini setanding pusat ICT terkenal di dunia

Oleh **RIDZWAN MOHD. IMAN**

UM 25 JULI 2009

KUALA LUMPUR 24 Julai — Usaha Malaysia yang berterusan dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah meletakkan negara setanding dengan pusat ICT terkenal di dunia, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, laporan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) tahun lalu menyenaraikan Malaysia bersama pusat ICT dunia terkemuka lain iaitu Lembah Silikon dan Boston di Amerika, Stockholm-Kista di Sweden, Dublin di Ireland dan Bangalore di India.

“Menuju pencapaian Wawasan 2020, kita akan terus meningkatkan usaha bersepadu ke arah sebuah ekonomi berasaskan pengetahuan yang berdaya saing dengan menggunakan ICT bagi mendorong pembangunan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Komputer Nasional (Komnas) keluaran DRB-Hicom di sini malam ini.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan telah pun memperuntukkan RM5.2 bilion bagi program dan projek berasaskan ICT dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Di samping itu tambahnya, tumpuan akan juga diberikan kepada pembangunan sumber manusia dan rangkaian infrastruktur bagi membolehkan rakyat memperoleh manfaat sepenuhnya daripada kepesatan pembangunan teknologi.

Dalam hal ini, Perdana Menteri berpendapat Malaysia harus mengkaji segenap ruang untuk merencanakan pencapaian ICT negara.

“Walaupun negara kita telah mencapai kemajuan ICT yang menggalakkan, kita seharusnya mengkaji ruang-ruang yang patut kita isi supaya pencapaian ICT negara kita bertambah rancak.

“Salah satunya ialah merapatkan apa yang kita kenali sebagai jurang digital,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, jurang digital boleh dilihat dari dua perspektif iaitu jurang keupayaan memiliki komputer dan juga jurang pengetahuan dalam penggunaan komputer.

Secara tidak langsung, katanya, jurang itu juga wujud di antara penduduk bandar dengan luar bandar.

“Peratusan penduduk bandar yang berupaya memiliki dan berpengetahuan mengenai komputer adalah lebih tinggi berbanding dengan penduduk luar bandar,” katanya.

Bagi Perdana Menteri, harga adalah salah satu yang penting yang berkait rapat dengan keupayaan memiliki komputer peribadi atau PC.

“Semakin rendah harga PC, semakin ramai penduduk negara kita yang berupaya memiliki komputer,” katanya.

Justeru bagi mengurangkan harga komputer, Perdana Menteri menyarankan supaya penelitian dibuat terhadap komponen-komponen sesebuah komputer terutama dari aspek kos sistem operasi dan aplikasinya yang tinggi.

Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa sistem operasi dan aplikasi yang pada masa ini dimonopoli oleh syarikat-syarikat antarabangsa.

“Kita terpaksa membayar pelesenan bagi berbagai-bagai sistem operasi dan aplikasi ini.

“Kos pelesenan sistem operasi dan aplikasi ini akan meningkatkan kos sesebuah komputer yang akhirnya terpaksa ditanggung oleh para pembeli,” katanya yang mendanai maklumat bahawa bayaran pelesenan adalah di antara 25 peratus dan 40 peratus harga sesebuah PC.

Dalam hal ini, Perdana Menteri mengalu-alukan langkah DRB-HICOM mengeluarkan PCnya sendiri yang tidak menggunakan sistem operasi dan aplikasi yang dimonopoli oleh syarikat-syarikat antarabangsa.

“Sebaliknya, PC yang akan dilancarkan malam ini menggunakan konsep ‘open source’ yang berasaskan Linux.

“Saya telah dimaklumkan bahawa PC keluaran syarikat ini akan dijual di bawah harga RM2,000 sebuah. Harga ini adalah yang termampu oleh kebanyakan penduduk negara kita,” katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mencadangkan kepada DRB-HICOM dan anak syarikatnya DH Info Tech supaya melaksanakan program-program yang dapat mengembangkan infrastruktur dan kemudahan ICT ke luar bandar.

Sebagai langkah pertama, katanya, DRB-HICOM hendaklah melaksanakan projek-projek perintis di beberapa buah sekolah luar bandar serta memperkenalkan kaedah perkomputeran yang baru ini.

“Melalui projek-projek perintis ini, pihak DRB-HICOM akan dapat mengetahui lebih lanjut lagi mengenai keperluan-keperluan sekolah dari segi perisian dan aplikasi-aplikasi lain.

“Apatah lagi PC keluaran syarikat ini menggunakan dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Inggeris,” katanya.

Bagi membolehkan lebih ramai rakyat mampu memiliki komputer ini, DRB-HICOM telah membuat susunan pinjaman dengan beberapa institusi kewangan yang membolehkan bayaran bulanan pinjaman dibuat di bawah RM50 sebulan.

PC ini mempunyai sistem aplikasi yang fleksibel, mesra pengguna dan dilengkapi satu pakej pengkomputeran yang merangkumi laluan Internet yang telah disediakan untuk para pembeli melayari Internet.

Sistem aplikasinya disuntik juga dengan beberapa unsur tempatan seperti penekanan kepada ciri kekeluargaan.

Dr. Mahathir yakin dengan kemampuan anak tempatan memajukan PC ini yang amat mampu dimiliki berserta dengan aplikasi-aplikasi yang relevan.

Dalam hal ini, Perdana Menteri percaya bahawa usaha yang lebih jitu oleh kerajaan dengan kerjasama pihak swasta akan memastikan kawasan luar bandar mendapat infrastruktur ICT yang bertambah.